



## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

### PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

Kertas 1

1 jam 15 minit

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Join telegram @exercise\_students  
for more tips spm sebenar !

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

1 Maklumat berikut berkaitan dengan Kitaran Perakaunan.

Menyenaraikan baki debit dan baki kredit bagi semua akaun dalam lejar.

Apakah peringkat tersebut?

- A Buku Catatan Pertama
- B Penyata Kewangan
- C Catatan Penutupan
- D Imbangan Duga

2 Apakah badan perakaunan yang berperanan dalam menggubal dan membaiki piawaian perakaunan di Malaysia?

A




B



C



D



3 Dialog berikut adalah di antara seorang guru dan empat orang anak muridnya.

Cikgu Elly : Apakah contoh Liabiliti Semasa?  
Azley : Komisen belum terperoleh  
Benny : Deposit kadar bayaran  
Cindy : Sewa belum terima  
Dhany : Gaji prabayar

Siapakah yang menjawab dengan betul?

- A Azley
- B Benny
- C Cindy
- D Dhany

4 Maklumat berikut berkaitan dengan kesan persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah


Urus niaga yang manakah menepati kesan tersebut?

- A Menjual inventori berkos RM1 400 secara kredit dengan harga RM1 800
- B Menjelaskan utiliti belum bayar sebanyak RM100 dan sewa kediaman RM500
- C Membayar RM2 000 kepada Akaun Belum Bayar untuk menjelaskan sepenuhnya hutang RM2 200
- D Mengambil inventori dan tunai untuk kegunaan peribadi masing-masing bernilai RM300 dan RM600

5 Pilih padanan yang betul.

	Dokumen	Urus niaga
A	Nota Kredit	Penambahan nilai invois
B	Invois	Belian secara kredit
C	Bil Tunai	Penerimaan diskaun tunai
D	Keratan cek	Bukti penerimaan wang

6 Rajah berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan.



Padanan yang manakah betul?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Padanan yang manakah **tidak** betul?

	Jenis Jurnal	Fungsi Jurnal
A	Jurnal Pembayaran Tunai	Merekod semua perbelanjaan secara tunai
B	Jurnal Pulangan Belian	Merekod pulangan barang niaga daripada pelanggan
C	Jurnal Jualan	Merekod perkhidmatan dobi secara kredit
D	Jurnal Am	Merekod belian aset bukan semasa secara kredit

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 8 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Runcit Kedai Perabot Amal pada 31 Ogos 2024.

	RM
Baki 1 Ogos 2024	65
Penerimaan daripada ketua juruwang	185
Jumlah pembayaran	160

Berapakah nilai panjar runcit yang diperuntukkan pada setiap awal bulan?

- A RM65  
 B RM90  
 C RM185  
 D RM250
- 9 Perniagaan Lokman membeli alatan pejabat secara tunai daripada My Office Sdn. Bhd..  
 Akaun yang manakah akan dikreditkan?  
 A Tunai  
 B Belian  
 C Alatan pejabat  
 D My Office Sdn. Bhd.
- 10 Berikut adalah Akaun Belian Kedai Runcit Aiman.

Akaun Belian

Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	Jumlah
2024		RM	2024		RM
Nov. 12	Tunai	1 500	Nov. 15	Derma	200
30	Akaun Belum Bayar	5 000			

Pada 25 November 2024, Encik Aiman terlupa merekod ambilan barang niaga RM500 dan tunai RM150 untuk kegunaan sendiri.

Berapakah baki Akaun Belian pada 30 November 2024?

- A RM6 300  
 B RM5 950  
 C RM5 800  
 D RM5 650
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan inventori akhir Aiman Sportiza Enterprise.

Jenis barang	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Raket	7 200	7 310
Jersi	7 050	7 000

Berapakah inventori akhir?

- A RM14 050  
 B RM14 200  
 C RM14 250  
 D RM14 310

12 Berikut ialah Buku Tunai Mama Enterprise.

## Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Tunai	Bank
2024		RM	RM	2024		RM	RM
Jun 1	Baki b/b	500	6 500	Jun 4	Belian	400	600
15	Jualan		200	9	Amin Ent.		6 300

Apakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga setelah Buku Tunai diimbangkan?

A Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Tunai	100	
Bank		200

B Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Tunai		100
Bank	200	

C Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Tunai	100	
Bank	200	

D Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Tunai		100
Bank		200

[Lihat halaman sebelah

SULIT

13 Maklumat berikut diperoleh daripada Farmasi Nazen pada 30 Jun 2023.

	RM
Belian	28 200
Pulangan masuk	720
Pulangan keluar	580
Angkutan masuk	450

Berapakah jumlah kos belian?

- A RM27 480
- B RM27 620
- C RM27 930
- D RM28 070

14 Berikut merupakan sebahagian maklumat Akaun Untung Rugi Perniagaan Syuqri.

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024 (petikan)

	RM		RM
Promosi	130	Untung kasar	13 500
Gaji	3 200	Diskaun diterima	250
Angkutan masuk	720		

Butiran yang manakah **tidak** betul?

- A Gaji
- B Promosi
- C Angkutan masuk
- D Diskaun diterima

15 Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Klasifikasi Akaun
I	Faedah belum terperoleh	Aset semasa
II	Komisen belum terima	Aset semasa
III	Sewa belum bayar	Liabiliti semasa
IV	Insurans prabayar	Liabiliti semasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Komputer Teguh pada 31 Mei 2024.

	RM
Perabot (kos)	12 000
Susut nilai terkumpul perabot	3 200

Maklumat tambahan:

Kadar susut nilai perabot adalah 5 % setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai perabot pada 31 Mei 2024?

- A RM440
- B RM600
- C RM3 640
- D RM3 800

17 Maklumat berikut berkaitan dengan pelupusan mesin Kedai Ain pada 31 Oktober 2024.

Nilai buku	RM5 800
Harga jual	RM6 400

Perekodan dalam Jurnal Am yang manakah betul?

A

Jurnal Am

Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
Okt. 31	Pelupusan Mesin	600	
	Rugi atas Pelupusan Mesin		600

B

Jurnal Am

Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
Okt. 31	Rugi atas Pelupusan Mesin	600	
	Pelupusan Mesin		600

C

Jurnal Am

Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
Okt. 31	Pelupusan Mesin	600	
	Untung atas Pelupusan Mesin		600

D

Jurnal Am

Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
Okt. 31	Untung atas Pelupusan Mesin	600	
	Pelupusan Mesin		600

[Lihat halaman sebelah

SULIT

18 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Suri Dian Enterprise.

	Debit RM	Kredit RM
Hutang lapuk terpulih	70	
Dividen	85	
Komisen belum terperoleh		125
Sewa belum terima		132

Catatan yang manakah betul?

- A Dividen
  - B Sewa belum terima
  - C Hutang lapuk terpulih
  - D Komisen belum terperoleh
- 19 Pernyataan yang manakah kesilapan tidak ketara?
- A Jumlah jurnal jualan RM17 000 dipindahkan ke akaun jualan sebagai RM1 700
  - B Belian tunai RM986 tersilap rekod sebagai RM896 dalam kedua-dua akaun
  - C Ambilan tunai RM300 direkodkan sebelah debit akaun ambilan sahaja
  - D Akaun perabot terkurang catat RM1 500
- 20 Berikut merupakan maklumat daripada Kilang Percetakan Sejahtera.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 (petikan)

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Mesin	50 000	
Belanja membaiki mesin	1 500	

Maklumat tambahan:

Belanja membaiki mesin RM500 telah tersilap rekod ke dalam Akaun Mesin.

Petikan Penyata Kewangan yang manakah betul setelah mengambil kira pembetulan kesilapan?

A            Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM
Belanja membaiki mesin	2 000

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM
Mesin	49 500



**B** Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM
Belanja membaiki mesin	1 000

## Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM
Mesin	50 500

**C** Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM
Belanja membaiki mesin	2 000

## Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM
Mesin	49 500

**D** Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM
Belanja membaiki mesin	1 000

## Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM
Mesin	50 500

**21** Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Arissa.

	RM
Untung bersih	12 500
Kos jualan	48 000
Jualan	70 000

Antara yang berikut, nisbah yang manakah mengambil kira maklumat tersebut?

- I Tokokan
  - II Nisbah semasa
  - III Pulangan atas modal
  - IV Margin untung kasar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

22 Perniagaan Auni Resources memberikan maklumat berikut:

	RM
Akaun Belum Bayar	4 300
Jumlah belian	90 000

Maklumat tambahan:

Nisbah belian tunai kepada belian kredit ialah 7 : 3.

Berapakah tempoh pembayaran hutang untuk setahun?

- A 16 hari
- B 18 hari
- C 25 hari
- D 59 hari

23 Antara yang berikut, yang manakah cara untuk meningkatkan prestasi perniagaan?

- I Mengurangkan kos jualan
  - II Mengurangkan hasil
  - III Menambahkan belanja
  - IV Menambahkan jualan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

24 Apakah yang menyebabkan rekod perakaunan Butik Madiha tidak lengkap?

- A Pemilik tidak dapat menentukan untung bersih perniagaan
- B Pemilik tidak dapat merancang perbelanjaan dengan baik
- C Pemilik tidak menyimpan dokumen secara sistematik
- D Pemilik tidak dapat mengesan kesilapan yang dibuat

25 Maklumat berikut diperolehi daripada Pertama Trading pada 31 Oktober 2024.

	RM
Inventori	8 000
Bank	850 (kt)
Akaun Belum Terima	17 250
Akaun Belum Bayar	9 200
Lengkapan	34 610
Sewa prabayar	450
Modal 1 November 2023	37 090

Berapakah untung bersih perniagaan jika ambilan ialah RM4 000?

- A RM17 170
- B RM18 870
- C RM82 450
- D RM92 150

26 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Seroja Putih.

	1 Mac 2023	29 Februari 2024
Alat-alat kecil	RM550	RM620

Buku Tunai (petikan)			kt.
	Tarikh	Butiran	RM
	2024		
	Feb. 29	Alat-alat kecil	2 700

Berapakah belanja alat-alat kecil?

- A RM1 530
- B RM2 630
- C RM2 770
- D RM3 870

27 Apakah butiran pembayaran yang direkodkan dalam Penyata Belanjawan Tunai?

- A Susut nilai
- B Hutang lapuk
- C Pulangan belian
- D Ansuran pinjaman

28 Berikut ialah anggaran jualan Kedai Alyshah untuk bulan Januari dan Februari 2024.

	RM
Januari	25 200
Februari	20 100

30 % daripada jualan adalah secara kredit dan diterima pada bulan berikutnya.

Berapakah jualan dan Akaun Belum Terima yang dicatat dalam Penyata Belanjawan Tunai pada bulan Februari?

	Jualan	Akaun Belum Terima
A	RM20 100	RM7 560
B	RM20 100	RM6 030
C	RM14 070	RM7 560
D	RM14 070	RM6 030

29 Berikut merupakan petikan Buku Tunai dan Penyata Bank bagi Daren Enterprise.

## Buku Tunai (petikan)

kt.

Tarikh	Butiran	No. Cek	Tunai RM	Bank RM
2024 Mac 20	Lengkapan	641309		1 750

## Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2024 Mac 25	Cek	641309	1 570		

Catatan yang manakah perlu dilakukan untuk mengemas kini Buku Tunai tersebut?

A Debit

## Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2024 Mac 31	Lengkapan			180

B Buku Tunai (petikan)

Kredit

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2024 Mac 31	Lengkapan			180

C Debit

## Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2024 Mac 31	Lengkapan			1 570

D Buku Tunai (petikan)

Kredit

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2024 Mac 31	Lengkapan			1 570

30 Butiran yang manakah berkaitan dengan Ekuiti Pemilik perkongsian?

- A Akaun semasa
- B Untung bersih
- C Modal kerja
- D Ambilan

31 Akaun semasa pekongsi berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Lily dan Luna.

Akaun Semasa Lily

	RM		RM
Ambilan	2 000	Faedah atas modal	3 000
S	100	Pengasingan Untung Rugi	1 400
Baki h/b	2 300		
	4 400		4 400

Apakah butiran S?

- A Yuran guaman
- B Belanja realisasi
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas simpanan

32 Maklumat berikut berkaitan dengan pembubaran perkongsian.

Akaun Realisasi (Petikan)

	RM
2024	
Julai 31    Bank	3 500

Apakah maksud butiran Bank tersebut?

- A Mendapat cek hasil jualan aset
- B Menjelaskan pinjaman dengan cek
- C Memperoleh cek daripada pelanggan
- D Membayar belanja pembubaran dengan cek

33 Perbezaan yang manakah betul antara syer berikut?

	Syer Biasa	Syer Keutamaan
<b>A</b>	Tiada hak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan	Mempunyai hak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
<b>B</b>	Menerima dividen selepas syer keutamaan	Menerima dividen sebelum syer biasa
<b>C</b>	Ada tunggakan dividen	Tiada tunggakan dividen
<b>D</b>	Kadar dividen tetap	Kadar dividen tidak tetap

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

- 34 Syarikat Gangsa Berhad menerbitkan 2 000 000 unit Syer Biasa RM2.50 sesyer pada 1 Februari 2024. Permohonan telah ditutup pada 15 Februari 2024 dan jumlah wang yang diterima berjumlah RM4 500 000.

Apakah tindakan yang perlu dibuat untuk menyelesaikan situasi tersebut?

- A Penaja jamin menanggung kekurangan langganan tersebut  
 B Memulangkan wang lebih langganan kepada pemohon  
 C Membuat terbitan syer baharu untuk menampung lebih langganan  
 D Tempoh permohonan dilanjutkan dan menjual syer pada harga lebih rendah
- 35 Kelab Rekreasi Taman Makmur memberikan maklumat berikut:

	1 Oktober 2023	30 September 2024
	RM	RM
Yuran belum terima	370	430
Yuran belum terperoleh	410	460

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir  
 30 September 2024 (petikan)

	RM
Yuran ahli	25 400

Berapakah yuran ahli bagi tempoh perakaunan tersebut?


- A RM25 330  
 B RM25 390  
 C RM25 410  
 D RM25 470
- 36 Akaun yuran berikut diperolehi daripada Kelab Basikal Mengkasar.

Akaun Yuran			
2023		2023	
	RM		RM
Jan. 1	P	Dis. 31	Bank
	2 600		8 600
Dis. 31	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan		
	6 000		
	<u>8 600</u>		<u>8 600</u>

Pernyataan yang manakah betul untuk P?

- A Yuran ahli belum diterima untuk tahun 2022  
 B Yuran ahli belum diterima untuk tahun 2023  
 C Yuran ahli yang telah diterima untuk tahun 2022  
 D Yuran ahli yang telah diterima untuk tahun 2023

- 37 Rekod kewangan yang manakah hanya disediakan oleh kelab berbanding entiti berorientasikan keuntungan?
- A Akaun Untung Rugi  
B Akaun Perdagangan  
C Penyata Kedudukan Kewangan  
D Penyata Penerimaan dan Pembayaran
- 38 Apakah tujuan Akaun Pengeluaran disediakan?
- A Merancang kos yang terlibat dalam proses pengeluaran  
B Menentukan untung atau rugi dalam Akaun Pengeluaran  
C Menunjukkan semua kos yang terlibat dalam proses pengeluaran  
D Menyatakan kedudukan kewangan firma dalam proses pengeluaran
- 39 Apakah kegunaan Titik Pulang Modal?
- A Menentukan keuntungan atau kerugian bagi setiap tingkat pengeluaran  
B Mengenal pasti lebih atau kurang pendapatan  
C Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan  
D Mengira kos pengeluaran
- 40 Graf berikut berkaitan dengan komponen kos pengeluaran.



Maklumat tambahan:

- Gaji operator prabayar akhir berjumlah RM1 500
- Kerja dalam proses awal bahan langsung RM580
- Kerja dalam proses akhir bahan langsung RM320

Berapakah kos prima?

- A RM140 040  
B RM140 560  
C RM143 040  
D RM143 560

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT